



HARI CERIA: Graduan Kolej ShahPutra bersama skrol masing-masing selepas Majlis Konvokesyen Program Kerjasama UPM-IPTS ke-9 di Serdang, baru-baru ini.

1 SEPTEMBER 2007 - BERITA HARIAN -

# Graduan Kolej ShahPutra cemerlang

**K**IRA-KIRA 90 peratus daripada 396 graduan Program Kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM)-Kolej ShahPutra (KSP) berjaya memperoleh purata nilai gred kumulatif (PNGK) 2.00 ke atas, sekali gus berpeluang melanjutkan pengajian peringkat ijazah di manapun institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negara.

Pengerusi Eksekutif KSP, Datuk Dr Azman Zaini Abd Ghanie, berkata lebih membanggakan ada graduan yang cemerlang dengan memperoleh PNGK 4.0 dan perkembangan positif itu membuktikan keupayaan KSP melahirkan graduan berkualiti.

Katanya, program kerjasama mem-

beri peluang pelajar berkelayakan tetapi gagal mendapat tempat di IPTA, melanjutkan pengajian dalam bidang yang diminati di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

"Penawaran program kerjasama itu dilaksanakan mengikut kurikulum dan sistem peperiksaan UPM dan melihat kepada kejayaan dicapai ia membuktikan mereka juga setanding dengan graduan IPTA.

"Perkembangan itu turut disokong pemantauan berterusan UPM terhadap kualiti program dan langkah berkenaan secara tidak langsung mampu meningkatkan keyakinan pelajar dan ibu bapa terhadap KSP," katanya ketika ditemui selepas Majlis Kon-

vokesyen Program Kerjasama UPM-IPTS ke-9 di Serdang, baru-baru ini.

Pada majlis itu seramai 294 graduan menerima Diploma Pengurusan Perniagaan dan Diploma Sains Komputer (102).

Dalam perkembangan sama, kata-nya KSP muncul IPTS pertama di negara ini bekerjasama dengan University Cambridge, United Kingdom untuk menawarkan program A-Level Perubatan.

"Kumpulan sulung pelajar seramai 25 orang sudah pun memulakan pengajian awal bulan lalu di KSP untuk tempoh dua tahun sebelum dihantar meneruskan pengajian peringkat ijazah sarjana muda," katanya.

## FAKTA NOMBOR

**Majlis Konvokesyen  
Kolej ShahPutra**

**294**

Diploma Pengurusan  
Perniagaan

**102**

Diploma Sains Komputer